

**MAJLIS ANUGERAH KECEMERLANGAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM)
TAHUN 2013
15/04/2014**

SMK VICTORIA, JALAN HANG TUAH, KUALA LUMPUR

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

1. Alhamdulillah, syukur kehadiran Allah SWT atas limpah kurnia dan izinNya, dapat kita berhimpun pada petang ini, sempena Majlis Anugerah Kecemerlangan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun 2013. Alhamdulillah SPM bagi tahun 2013 telah dilaksanakan dengan lancar dan keputusannya telah pun diumumkan pada 20 Mac 2013 yang lalu oleh YBhg. Datuk Dr. Khair bin Mohamad Yusof, Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia.

2. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih saya rakamkan kepada semua pihak yang telah menjemput saya hadir dalam majlis yang diadakan ini. Di kesempatan ini juga saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada para pendidik yang telah berusaha dengan sedaya upaya untuk mendidik anak-anak bangsa sehingga mereka berjaya mencapai kejayaan yang cemerlang. Secara keseluruhannya juga, saya dimaklumkan bahawa pencapaian keseluruhan calon SPM pada tahun 2013 telah meningkat sebanyak 0.15 mata berbanding pencapaian pada tahun 2012.

3. Oleh itu, saya berharap agar kejayaan yang dicapai ini dapat diteruskan di masa hadapan, semoga hasrat pembangunan modal insan yang cemerlang dan mampu bersaing sehingga ke peringkat global, boleh dibangunkan melalui sistem pendidikan negara mengikut acuan kita sendiri.

Tuan / puan yang dihormati,

4. Saya dimaklumkan bahawa keputusan SPM 2013 telah berjaya meningkatkan pencapaian calon bandar meningkat sebanyak 0.15 mata iaitu daripada 4.83 mata pada tahun 2012 kepada 4.68 mata pada tahun 2013. Manakala, pencapaian calon luar bandar pula, telah meningkat sebanyak 0.16

mata iaitu daripada 5.44 mata pada tahun 2012 kepada 5.28 mata pada tahun 2013. Keputusan ini sedikit sebanyak telah berjaya merapatkan jurang pencapaian calon bandar dan luar bandar sebanyak 0.01 mata Gred Purata Nasional (GPN). Tahniah saya kalungkan kepada semua pihak yang terlibat dalam menghasilkan kejayaan ini.

5. Oleh itu, saya berpandangan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 yang telah dilancarkan pada tahun lepas sekurang-kurangnya telah mula menampakkan hasilnya, terutama dalam memastikan jurang pencapaian murid di antara bandar dan luar bandar dapat dikurangkan secara peringkat-peringkat. Saya amat berharap agar usaha ini akan terus dilakukan, supaya aspirasi untuk mengurangkan jurang pencapaian berdasarkan tahap perbezaan sosioekonomi sebanyak 50% dapat direalisasikan.

Hadirin yang dihormati sekalian,

6. Saya difahamkan bahawa majlis kali ini juga turut memberi pengiktirafan kepada 20 buah sekolah yang berjaya membuat lonjakan tinggi dan cemerlang berdasarkan Gred Purata Sekolah (GPS) berbanding pencapaian tahun sebelumnya. Kejayaan ini adalah kejayaan semua pihak yang telah mendokong tanggungjawab dan amanah yang diberikan dengan baik dan berkesan, sehingga berjaya mewujudkan iklim dan persekitaran sekolah yang kondusif kepada para pelajarnya untuk mencapai kejayaan yang terbaik.

7. Syabas dan tahniah saya ucapkan terutamanya kepada keseluruhan kepimpinan dan pengurusan sekolah, PIBG dan ibubapa yang begitu komited, sehingga membolehkan sekolah melonjakkan prestasinya ke tahap yang terbaik. Justeru, saya amat berharap agar usaha ini patut dijadikan contoh kepada sekolah lain dan melipatgandakan lagi usaha tersebut supaya hasrat meletakkan sistem pendidikan negara ke tahap yang terbaik dapat dicapai.

Tuan / puan yang dihormati sekalian,

8. Sistem pendidikan merupakan wadah utama untuk mengubah pemikiran dan sahsiah pelajar yang terbaik serta mampu menyumbang kepada pembangunan negara. Untuk melahirkan generasi yang cemerlang, semua pihak harus memainkan peranan masing-masing tanpa mengira lokasi, bangsa dan agama yang dianuti. Oleh kerana itulah, transformasi pendidikan yang dilakukan ketika ini amat menuntut komitmen semua pihak terutamanya para

guru yang merupakan agen pelaksana.

9. Pembangunan modal insan yang cemerlang bukanlah satu perkara yang mudah. Pastinya, ia mampu memulangkan semula modal pelaburan yang bukan dalam bentuk kewangan tetapi dalam bentuk kepakaran dan kebijaksanaan menguasai pelbagai disiplin ilmu. Oleh itu, majlis pada hari ini, merupakan salah satu kaedah dalam memberi pengiktirafan kepada mereka yang cemerlang dan diharapkan akan terus berjaya dan mampu menyumbang kembali kepada pembangunan negara pada masa akan datang.

10. Saya difahamkan bahawa seramai 30 pelajar paling cemerlang dalam bidang akademik dan juga amat aktif dalam kokurikulum bagi SPM 2013 akan menerima anugerah kecemerlangan. Sebahagian mereka ini juga merupakan penerima Biasiswa Nasional 2014 yang telah berjaya memperoleh semua gred A+ (Cemerlang Tertinggi) bagi semua mata pelajaran yang diduduki. Namun, pemilihan pelajar cemerlang bagi majlis ini diperkukuhkan lagi kepada mereka yang memperoleh markah kokurikulum lebih daripada 7.90 mata.

11. Syabas dan tahniah kepada yang berjaya dan harapan saya, teruskan lagi usaha dengan penuh keyakinan, semoga kecemerlangan dalam apa-apa bidang yang diceburi dapat diraih lagi di masa hadapan. Namun, usahlah lupa kepada mereka yang telah berjasa kepada anda terutamanya ibubapa, agama, bangsa dan negara selepas anda berjaya mengecap kejayaan nanti.

Tuan / Puan yang dihormati,

12. Guru-guru merupakan pendorong utama kepada kejayaan anak-anak yang berada di hadapan kita pada petang ini. Guru-guru juga pencetus ilham dan pemangkin bagi menjadikan anak-anak menjadi insan yang berjaya. Menurut Good dan Brophy (2002), guru yang dihormati dan mesra pelajar lazimnya dapat bekerjasama dengan pelajar-pelajarnya dalam menjayakan aktiviti pengajaran, pembelajaran dan pentaksiran. Hubungan mesra dan kondusif di antara guru dan pelajar mampu memperbaiki prestasi akademik dan boleh membangkitkan motivasi intrinsik pelajar.

13. Oleh itu, majlis ini juga turut memberi penghargaan kepada kumpulan guru yang telah berjaya menjalankan aktiviti pengajaran, pembelajaran dan pentaksiran dengan sangat efektif dan berkesan. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada kumpulan-kumpulan guru yang berjaya terpilih untuk menerima anugerah pada hari ini.

14. Akhir kata, saya merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan majlis ini. Sekali lagi saya mengucapkan syabas dan setinggi-tinggi tahniah kepada semua penerima anugerah di Majlis Anugerah Kecemerlangan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2013. Saya berharap agar semua penerima anugerah ini dapat mengekalkan rentak kecemerlangan dan komitmen yang telah ditunjukkan selama ini. Jadikanlah kejayaan dan kecemerlangan ini sebagai landasan untuk terus maju di masa hadapan.

Sekian, wabillahi al-taufiq wa al-hidayah wa as-salamu'alaikum wa rahmatullahi wabarakatuh.